

Terjebak kerana hutang tailong untuk belanja Raya

29 Jun 2014

NUR ADILAH MAHBOB

PADA Ramadan 2012, keadaan kewangan keluarga Encik Sazali (bukan nama sebenar) tidak begitu stabil kerana beliau baru sahaja mendapat pekerjaan tetap selepas enam bulan mencari kerja.

Namun, beliau, duda 44 tahun, tidak mahu empat anaknya yang masih bersekolah berasa kekurangan apabila menyambut Raya.

Oleh itu, Encik Sazali membuat keputusan meminjam daripada pemiutang berlesen untuk perbelanjaan Hari Raya keluarganya.

Duit itu digunakan membelikan anak-anaknya pakaian baru, kuih-muih, serta untuk duit Raya bagi anak saudaranya dan rakan sekolah anak-anaknya apabila mereka mengunjungi rumah sewa dua bilik keluarga mereka itu.

Pada mulanya Encik Sazali tidak menghadapi masalah membayar hutang kepada pemiutang berlesen, tetapi kadar bunga yang tinggi dan pembayaran mingguan mula menyukarkannya membayar hutangnya itu.

Beliau terpaksa mengambil lebih banyak pinjaman daripada pemiutang berlesen yang lain kerana mahu menutup hutang lama.

Beliau takut denda tinggi dan tindakan pemiutang berlesen yang agresif apabila tidak mendapat bayaran.

Dalam masa dua bulan, Encik Sazali sudah berhutang dengan lapan pemiutang berlesen dan meminjam daripada rakan-rakan sekerjanya.

Pinjaman pertama berjumlah \$500 meningkat kepada \$6,000.

Gajinya habis kerana hutang dan tidak ada yang boleh diketepikan untuk keperluan keluarganya.

Anak-anaknya ketakutan apabila wakil pemiutang datang ke rumah dan berkelakuan agresif seperti memarahi mereka.

Encik Sazali mendapatkan pertolongan daripada Pusat Nasihat Wang (DAC) kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP) apabila keadaan keluarganya menjadi terdesak.

"Dengan nasihat dan bimbingan pegawai DAC serta sukarelawan DAC, Encik Sazali mula menumpukan perhatian kepada keperluan keluarganya sebelum memikirkan tentang pembayaran hutang," ujar seorang jurucakap DAC.

Setelah keadaan keluarga rumah stabil dan tunggakan sewa rumah dan air api diselesaikan, Encik Sazali mula berunding dengan pemiutang berlesen bagi mengurangkan kadar bunga dan melangsaikan hutangnya.

Hingga hari ini, Encik Sazali telah melangsaikan dua hutang dengan pemiutang berlesen dan sedang membayar yang lain secara bulanan mengikut kemampuannya.

Encik Sazali merupakan antara mereka yang terjebak hutang dek berbelanja lebih daripada kemampuan untuk Hari Raya.

Celik Wang kali ini bekerjasama dengan DAC dan Kaunseling Kredit Singapura (CCS) dengan menawarkan beberapa tip bagi membantu masyarakat Melayu/Islam merancang perbelanjaan musim Raya.